



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SABTU 31 OGOS 2019**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	TANAH TERBIAR UNTUK BELIA CEBURI BIDANG PERTANIAN: AMINUDDIN, SH -ONLINE	INDUSTRI ASAS TANI (IAT)
2.	MELANCONG SAMBIL SELUDUP BENIH SPESIES ENDEMIK, NASIONAL, BH -18	LAIN-LAIN
3.	SANGGUP MASUK PEDALAMAN CARI BENIH UNIK, NASIONAL, BH -19	
4.	LENSA KEHIDUPAN, UM -16	

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/8/2019	SINAR HARIAN	ONLINE	

## Tanah terbiar untuk belia ceburi bidang pertanian: Aminuddin



Menteri Besar melawat gerai usahawan yang terlibat dengan Karnival Industri Asas Tani (IAT) 2019 yang diadakan di perkarangan Pasaraya Mydin Senawang semalam.

SEREMBAN - Bagi mengalakkan golongan muda menceburi bidang pertanian, kerajaan negeri bersedia untuk membenarkan penggunaan mana-mana tanah terbiar bagi tujuan tersebut.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, tanah terbiar yang bersesuaian boleh diusahakan dengan menanam tanaman yang boleh mendatangkan hasil serta memberi keuntungan kepada mereka.

"Kita membenarkan anak-anak muda yang ingin menceburkan diri dalam bidang pertanian tetapi tidak ada tanah, boleh menggunakan mana-mana tanah terbiar yang bersesuaian, dengan membuat permohonan.

"Kalau boleh kita mahu galakkan golongan muda terlibat dalam bidang pertanian kerana pulangnya dilihat sangat besar, malah ada beberapa produk di negeri ini dieksport ke Singapura seperti nangka madu, jagung manis dan tebu

"Sekarang ini jagung manis Kuala Pilah kita antara yang termanis di Malaysia, disebabkan faktor cuaca dan tanah yang baik, jadi kita mahu galakkan anak-anak muda menanam jagung bagi membolehkan kita mengekport ke pasaran luar dengan jumlah yang lebih besar, dan saya yakin dengan bantuan pemasaran oleh Fama nanti pengusaha kita akan dapat pulangan yang lumayan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas program perasmian Karnival Industri Asas Tani (IAT) 2019 yang diadakan di perkarangan Pasaraya Mydin Senawang semalam.

Hadir sama Pemangku Ketua Pengarah Fama, Zainal Abidin Yang Razalli dan Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Bakri Sawir.

Katanya, terdapat enam pengusaha dari negeri ini yang berjaya memasarkan produk mereka ke pasaran Singapura, dan berharap jumlah tersebut terus meningkat pada masa akan datang.

Karnival IAT 2019 yang berlangsung sehingga Ahad ini terdiri daripada 85 usahawan dengan anggaran nilai jualan sehingga RM500,000.

# Melancong sambil seludup benih spesies endemik

Malaysia rugi jika negara luar dahului kajian potensi spesies dijual di pasaran gelap

Oleh Fahmy A Rosli  
fahmy.azri@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan perlu melindungi benih buah-buahan yang tergolong dalam spesies endemik kerana tinjauan *BH* mendapati ia diseludup dengan mudah dan dijual di pasaran gelap.

Langkah itu perlu kerana di khawatiri ada negara luar akan mendahului negara ini dari segi kajian polensi spesies berkenaan dan mengaut untung daripadanya.

Pokok buah-buahan daripada spesies endemik dan liar itu adalah aset negara kerana ia hanya tumbuh di kawasan hutan negara ini.

Bekas pegawai penyelidik sebuah agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Mohd Shamsudin Osman, berkata kegagalan kerajaan melindungi spesies berkenaan hanya akan bakal mengundang kerugian.

"Negara kita banyak sumber. Sememangnya rugi kalau kita masih tak sedar spesies berkenaan ada potensi dan rugi jika kita tak bangunkan R&D (kajian dan penyelidikan).

"Kalau orang luar ada apa kita ada, maksudnya kita pun tak ada kelebihan. Sebab, kita ada mereka pun ada," katanya kepada *BH*.

Tinjauan *BH* mendapati sekumpulan warga asing, dipercayai dari Amerika Syarikat (AS) disyaki dalam penyeludupan dan penjualan biji benih itu ke luar negara.

Sambil melancong, warga asing

## Laporan Khas

itu mengumpul benih buah-buahan berasal dari Sabah dan Sarawak secara sembunyi sebelum menjualnya secara haram.

Di Malaysia, dua negeri kepulauan Borneo itu dianggap 'hab' buah-buahan istimewa kerana hanya boleh dijumpai di hutan di kawasan itu.

Kumpulan itu bergerak sebagai penggemar durian. Mereka sanggup melancong ke seluruh negeri dari Pulau Pinang hingga pedalaman Sabah dan Sarawak hanya untuk menikmati pelbagai jenis durian di negara ini sambil mengumpul biji benih untuk dijual bagi memenuhi permintaan pelanggan dalam dan luar negara.

Antara biji benih menjadi sasaran kumpulan terbabit untuk dijual ialah durian kura-kura, durian isi merah, durian kulit merah, durian pakan dan durian isu.

Selain durian, kumpulan ini juga mengumpul biji benih isau iaitu longan liar dan buah-dabal untuk dijual secara haram ke luar negara.

Buah-buahan liar dan nadir itu dianggap warisan negara kerana tergolong dalam spesies endemik, iaitu yang tumbuh dan hidup di kawasan tertentu sahaja.

Biji benih disorok dan dikumpulkan selepas selesai menikmati buah-buahan berkenaan. Ia dibersihkan sebelum dibungkus dalam plastik kepad udara bagi mengelakkan ia cepat kering dan rosak.

Setiap biji benih dijual pada harga RM10 hingga RM50. Caj penghantaran pula dikenakan pada harga RM10 ke luar negara menggunakan perkhidmatan kurier tempatan dan dijangka tiba kepada pelanggan dalam tempoh dua minggu.

Untuk urusan jual beli biji benih, kumpulan itu menggunakan platform media sosial seperti Instagram, Facebook dan e-mel bagi memudahkan untuk berinteraksi dengan pelanggan.

Ada juga laman web yang diwujudkan khas untuk urusan jual beli biji benih berkenaan yang dikenali sebagai *SeedPrates*. Ia dipercayai diselenggarakan seorang daripada kumpulan pelancong warga itu.

*SeedPrates* bukan sahaja menjual biji benih dari Malaysia, malah seluruh dunia.

Semakan dengan Jabatan Pertanian Malaysia (DoA) mendapati, semua jenis benih tanaman yang hendak dieksport ke luar negara perlu mendapat kebenaran dan lesen daripada Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS).

Urusan import juga perlu melalui prosedur ditetapkan DoA apabila menghendaki permit untuk dibuat demikian.

Pengeksportan apa-apa jenis benih tanpa kelulusan dan lesen daripada MAQIS adalah salah dan boleh didakwa mengikut Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

Mohd Shamsudin berkata, kumpulan pelancong warga asing itu yang menyeludup keluar dan men-

jual biji benih muncul sejak lima tahun lalu.

Berpengalaman hampir 38 tahun sebagai penyelidik, beliau berkata, kumpulan itu bijak kerana mereka 'menyelam sambil minum air'.

Katanya, mereka adalah peminat durian dan apabila berkunjung ke suatu tempat untuk menikmati buah-buahan berkenaan, sambil mengutip biji benih untuk dijual.

"Mereka mula sejak lima tahun lalu dengan kumpulan yang kecil. Seorang wanita dari AS yang mengetuai kumpulan berkenaan.

"Bermula di Pulau Pinang, mereka 'menyelam sambil minum air'. Sambil makan durian, sambil kutip biji durian untuk jual dan dapat wang bagi menampung hidup di Malaysia," katanya yang juga pakar durian.

Sementara itu, Presiden Persatuan Benih Kebangsaan Malaysia (NSAM), Prof S Uma Rani, berkata sudah tiba masa Malaysia mengumpul spesies endemik untuk disenarai sebagai warisan kebangsaan.

Katanya, langkah itu bagi memastikan tidak ada pihak luar menuntut dan mengaut bahawa spesies berkenaan milik mereka.

"Isu ini timbul apabila ada orang jual dan ada pihak mahu membeli. Pihak yang menjual semestinya orang yang memiliki benda itu.

"Jadi, dia kena sedar dan peka biji benih ini tidak boleh dijual atau dibawa keluar sewenang-wenangnya," katanya yang juga pensyarah teknologi biji benih Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM).



Isu ini timbul apabila ada orang jual dan ada pihak yang mahu membeli. Pihak yang menjual semestinya orang yang memiliki benda itu. Jadi, dia kena sedar dan peka bahawa benda (biji benih) ini tidak boleh dijual atau dibawa keluar sewenang-wenangnya.

S Uma Rani,  
Presiden Persatuan Benih  
Kebangsaan Malaysia




Pelancong asing bergambar dengan durian kulit merah yang hanya boleh didapati di Sabah dan Sarawak.



Antara durian spesies endemik yang terdapat di kawasan hutan Sabah dan Sarawak. Gambar kiri seorang pelancong asing bergambar dengan pokok durian kura-kura.



Biji benih durian kura-kura yang dijual pelancong asing.



Pelancong mempromosi rakan yang menjual biji buah isau menerusi akaun Instagram.



Biji durian yang sudah dibasuh dipercayai untuk dijual di pasaran gelap.

## Sanggup masuk pedalaman cari benih unik

Kuala Lumpur: "Jangan beritahu sesiapa saya jual biji benih (durian kura-kura) ini."

Itu kata seorang penjual yang juga pelancong warga asing dari Amerika Syarikat (AS) kepada wartawan *BH Ahd* ketika menyamar sebagai pembeli melalui kiriman balas e-mel.

Lindsay Gasik, sudah beberapa bulan di negara ini bersama sekumpulan rakan melawat ke serata Malaysia hanya untuk mencari dan menikmati keenakan serta keunikkan durian tempatan.

Digelar 'pakar durian' oleh se-setengah orang, dia sanggup masuk ke pedalaman Sabah dan Sarawak kerana mahu melihat sambil merasa durian daripada spesies unik di negeri berkenaan.

Ketika dihubungi menerusi e-mel, Lindsay mengakui dia memiliki biji benih durian kura-kura yang hanya boleh ditemui di hutan Sabah.

"Saya ada lapan biji (durian kura-kura). Kami baru makan buah berkenaan, semalam. Kalau kamu mahukan, saya boleh pos pada Khamis. Saya kenakan harga RM10 (AS\$2.40) sebiji. Saya akan bungkus

baik-baik dan terus pos. Semua sekali RM80.

"Kalau kamu mahu, saya boleh pos ke Indonesia. Tetapi saya caj RM10 untuk pos ke luar negara.

"Apa pun, beritahu saya jika kamu mahu. Tetapi, jangan beritahu sesiapa yang saya jual biji benih ini. Kamu amat bertuah kerana setiap hari ramai bertanyakan untuk beli (biji benih)," katanya.

Wanita berusia awal 30-an itu menggunakan perkhidmatan pos tempatan untuk menghantar biji benih yang dipesan pelanggan tempatan, mahupun di luar negara.

Katanya, dua minggu adalah tempoh diperlukan untuk biji benih berkenaan sampai dalam keadaan baik.

Di akaun Instagram, Lindsay mendapati menuat naik status mempromosikan nama seorang rakanannya yang turut menjual biji benih buah isau itu sejenis longan liar. Ia hanya boleh tumbuh di kawasan hutan di Sarawak.

Dalam perkembangan sama, seorang lelaki warga asing dipercayai pemilik laman web *seedpirates.org* ketika dihubungi menerusi Facebook berkata, dia tiada masalah mengespos biji benih ke mana-mana negara, terutama Malaysia.


Lelaki berusia awal 30-an itu berkata, selalunya dia mengisytihar setiap bungkus mengandungi biji benih sebagai seni dan kraf.

"Saya tidak tahu betapa tegas pihak berkuasa seperti kastam di negara anda (Malaysia). Saya tak bertanggungjawab atas apa yang berlaku. Selalunya, saya isytihar setiap bungkus dengan dipos sebagai seni dan kraf.

"Kami pernah hantar barang ke Malaysia, namun tidak pernah menghadapi sebarang isu dengan kastam. Setakat ini, setiap barang sampai dalam keadaan baik tanpa masalah," katanya yang menjual hampir 60 jenis biji benih buah-buahan, termasuk dari Malaysia.

Negara kita banyak sumber. Sememangnya rugi kalau kita masih tak sedar. Spesies berkenaan ada potensi dan rugi jika kita tak bangunkan R&D (kajian dan penyelidikan). Kalau orang luar ada apa kita ada, maksudnya kita pun tak ada kelebihan. Sebab, kita ada mereka pun ada.

Mohd Shamsudin Osman,  
Bekas pegawai penyelia agensi,  
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
81/8/2019	UTUSAN MALAYSIA	LENSA KEHIDUPAN	16

 **LENSA KEHIDUPAN**



**SEKUMPULAN** nelayan bergotong-royong melepaskan pelampung untuk ternakan kupang tidak jauh dari Jeti Nelayan Sungai Semilang, Kuala Selangor, Selangor, baru-baru ini. - UTUSAN/GAIE UCHEL